

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MENGGULUNG PERBAHASAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

TEMPAT: DEWAN RAKYAT

TARIKH: 18 JUL 1991

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang perbahasan mengenai Usul Rancangan Malaysia Keenam yang bermula pada 10 Julai 1991 yang lalu, banyak pandangan, teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas perhatian dan sokongan yang telah diberikan bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan program-program dan projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Rancangan ini digubal dan dihasilkan daripada pencernaan yang teliti dan berpandangan jauh. Tidak kurang juga terdapat kritik-kritik negatif yang dilemparkan kepada Kerajaan, walaupun kadangkala ianya terkeluar daripada tajuk perbahasan kita.

2. Ramai yang telah menyuarakan pendapat, baik di dalam atau di luar Dewan ini, bahawa Rancangan Malaysia Keenam merupakan rancangan pembangunan yang lebih baik dan mengandungi langkah-langkah yang berani. Ini lebih menyakinkan Kerajaan bahawa Rancangan ini merupakan titik-tolak ke arah kejayaan pencapaian matlamat wawasan 2020 untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

3. Dewan ini mengikut tradisi, dikenal sebagai Dewan yang Mulia dan Ahli-ahli Dewan digelar Ahli Yang Berhormat.

4. Walau bagaimanapun, kita merasa amat dukacita bahawa Dewan yang mulia ini telah tercemar dengan kata-kata kesat dan penonjolan sikap kurang pengajaran oleh ahli-ahli pembangkang. Lakonan Ahli Yang Berhormat Tanjong selama 1 jam 56 minit ia bercakap ketika perbahasan Rancangan Malaysia Keenam, merupakan pengotoran yang tidak dapat dibandingkan dengan lakonan-lakonan Ahli Yang Berhormat Tanjong sebelum ini, atau Ahli Yang Berhormat yang lain. Dengan izin Tuan Yang di-pertua, "the Honourable Member for Tanjong, has never descended so low" dalam usahanya memburukkan Kerajaan dan anggota Kerajaan. Segala yang bersih dan suci telah menjadi busuk dan kotor apabila ianya keluar daripada mulut Ahli Yang Berhormat Tanjong. Jarangkali Dewan yang mulia ini dapat melihat dengan izin satu performance yang begitu kekurangan dari segi pengajaran.

5. Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat Dewan ini yang lama

dan sebagai seorang peguam yang terlatih, beliau menggunakan segala trick dan taktik yang kotor untuk memberi tafsiran yang berbelit-belit dan membuat "innuendo" serta fitnah bagi dengan izin "score political points". Saya hampir tidak dapat bernafas kerana busuknya muntahan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

6. Ahli Yang Berhormat Tanjong menggunakan dengan cekap cara dengan izin "guilt by association" dengan menyebut bahawa Lorrain Esme Osman adalah rakan saya dalam FIMA. Saya akui bahawa Lorrain adalah pengarah FIMA semasa saya menjadi pengerusinya. Setakat yang diketahui pada masa itu Lorrain belum melakukan apa-apa kesalahan. Apakah jika seseorang menjadi penjenayah apabila ia tua, maka ia sudah pun bersalah sebelum itu? Jika inilah pegangan Ahli Yang Berhormat Tanjong maka seorang yang baru dilahirkan adalah dianggap salah kerana apabila ia membesar ia melakukan jenayah dan hukuman hendaklah diberi kepadanya sebagai penjenayah dari tarikh lahir. Ini adalah logik Ahli Yang Berhormat Tanjong yang padanya dengan izin is not perverse or perverted, sedangkan dalam sistem undang-undang negara ini seseorang itu tidak dianggap bersalah sehingga ia dihukum bersalah.

7. Ahli Yang Berhormat Tanjong cuba menggunakan taktik dengan izin "guilt by association" kerana saya kenal dan biasa bekerja dengan Lorrain. Tetapi Yang Berhormat itu enggan menonjolkan sahabat barunya yang begitu rapat dengan Lorrain ketika Lorrain dituduh melakukan kesalahan. Kita tahu bahawa sahabatnya menjadi pengerusi Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) semasa Lorrain menguruskan Bumiputra Malaysia Finance Limited (BMF). Untuk ini saya ingin sebutkan sedikit sejarah penubuhan BMF. BMF yang memulakan perniagaan pada 15 Disember 1977, telah diperbadankan pada 1 Mac 1974. Ketika BMF diperbadankan, Pengerusi Eksekutif BBMB pada masa itu ialah Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah. Tengku Razaleigh dan Lorrain merupakan orang-orang yang menandatangani memorandum memperbadankan BMF. Ahli-ahli Lembaga Pengarah BMF pada tarikh perniagaan dimulakan ialah Lorrain Esme Osman dan Mohd Hashim Shamsuddin. Kita tahu berapa kali sahabat karib Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pergi ke Hong Kong, disambut dengan kereta Rolls Royce dan menghadiri parti yang dihadiri juga oleh Lorrain dan George Tan.

8. Jika Ahli Yang Berhormat dari Tanjong boleh menyindir dan membuat tuduhan serong kerana saya biasa duduk semeja dengan Lorrain, kenapa ia tidak bangkitkan hubungan sahabat karibnya dengan Lorrain dalam acara-acara yang menimbulkan lebih tanda tanya, iaitu semasa jenayah BMF berlaku? Kenapa tidak disebutkan hubungan sahabat barunya dengan Hashim Shamsuddin yang sedang menjalani hukuman penjara di Hong Kong? Kenapa tidak disebutkan tentang Rais Saniman yang telah melarikan diri? Kedua-dua orang ini bukan sahaja sahabat dan teman bekas Pengerusi BBMB itu, tetapi mereka dilantik ke jawatan-jawatan mereka oleh bekas Pengerusi BBMB tersebut. Sebenarnya seorang pegawai yang terkanan BBMB

telah diketepikan oleh bekas Pengerusi BBMB itu apabila dia menerima jawatan dalam Kerajaan kerana mahu menaikkan Hashim ke jawatan berkenaan. Dan Hashim dikenal dan diketahui oleh semua dalam bank dan di luar bank sebagai orang kanan yang amat dipercayai oleh bekas pengerusi BBMB itu.

9. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkata pandangannya terhadap apa yang dipanggil skandal BMF sudah dirakam dalam Hansard pada tahun 1984. Benar, tetapi apakah keengganannya menyebut berkenaan dengan tuduhan lama itu kali ini menunjukkan bahawa dia sudah menukar pandangannya terhadap penglibatan sahabat barunya itu dalam skandal BMF. Apakah setelah sahabat barunya menjadi penyokong kuatnya dan memberi laluan kepadanya sebagai Ketua Pembangkang, maka Ahli Yang Berhormat Tanjong sudah memaaf dan mengampunkannya? Apakah sebabnya dalam pilihanraya tahun 1989 Ketua DAP tidak sekalipun menyebut skandal BMF dalam kempennya?

10. Apakah Ahli Yang Berhormat bukan sahaja sanggup menggunakan dengan izin "guilt by association" tetapi sanggup juga menyarankan dengan izin "Innocence by Association", iaitu oleh kerana bekas pengerusi BBMB sekarang ini adalah dengan izin "associate" dengan Ahli Yang Berhormat Tanjong, maka bekas Pengerusi BBMB itu menjadi tidak bersalah? Atau jika kita mengikuti logic Ahli Yang Berhormat Tanjong, oleh kerana ia sekarang menjadi dengan izin "associate" kepada orang menjadi "associate" kepada penjenayah, maka ia juga menjadi dengan izin "guilty by association".

Tuan Yang di-pertua,

11. Kerajaan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Penyiasat yang bebas berhubung dengan skandal BMF. Sekarang kitapun sudah tahu bahawa 2 daripada 3 orang anggota Jawatankuasa itu sebenarnya bukanlah bebas, tetapi memang menjadi penyokong pembangkang dan penyokong bekas pengerusi BBMB itu. Justeru itu, laporan mereka tidak lagi boleh dipercayai. Ada kemungkinan besar terdapat bias untuk melindungi orang-orang tertentu, kerana pengerusi Jawatankuasa itu dan seorang lagi anggotanya, Chooi Mun Sou, telah menunjukkan sikap anti-kerajaan dan memihak kepada bekas Pengerusi BBMB tersebut.

12. Kita patut memberi perhatian serius tentang penglibatan orang tertentu ini yang disebutkan oleh Lorrain dalam dokumennya. Lorrain nampaknya marah kerana sedangkan ia merengkok dalam penjara di United Kingdom, tuannya bebas dan hidup dalam mahligai.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Cara kotor Ahli Yang Berhormat Tanjong termasuklah juga mengheret nama-nama orang yang tidak mampu mempertahankan diri mereka di dalam Dewan ini dengan membuat tohmahan terhadap mereka.

14. Kita tahu bahawa orang yang terlatih dalam undang-

undang cekap membuat dakwaan dengan izin "bordering on libel" kerana tahu mangsanya tidak dapat membuat apa-apa. Lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat Tanjong terlindung kerana ucapannya dibuat dalam dewan yang dengan izin "privileged". Jika dia membuat tuduhan ini di luar pun saya percaya tindakan libel tidak akan diambil oleh mangsanya kerana bagi peguam yang pintar bermacam-macam tohmahan boleh dibuat semasa perbicaraan.

15. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin membaca satu laporan dalam Business Time bertarikh 7 Mac 1986 yang menyokong pendapat saya.

16. Sebab itu Ahli Yang Berhormat Tanjong mengheret nama Tan Sri Basir dan Ananda Krishnan. Kononnya PETRONAS membeli saham dalam Seri Kuda kerana pemilik Seri Kuda, Ananda Krishnan menjadi penjamin kepada Tan Sri Basir apabila beliau meminjam wang untuk membeli Syarikat FIMA.

17. Saya tidak tahu samada benar atau tidak Ananda Krishnan menjadi penjamin, tetapi cadangan PETRONAS mengambil saham majoriti dalam Seri Kuda adalah hasil pertimbangan komersil semata-mata.

18. Tanah Kelab Lumba Kuda dijual berikutan arahan kerajaan kepada kelab tersebut supaya keluar dari pusat Kuala Lumpur kerana lokasinya meyebabkan kesesakan lalulintas. Oleh kerana Kelab tersebut memerlukan wang untuk membina padang lumba kuda baru, kelab itu memutuskan untuk menjual tanahnya di Jalan Ampang.

19. Mengikut laporan sebuah majalah asing, Encik Krishnan membeli tanah ini pada masa resesi di waktu mana harga tanah jatuh dengan teruk dan ramai yang bankrap dan tidak ramai yang berminat atau mampu membeli hartanah.

20. Tanah seluas 96 ekar ini terletak dalam Kawasan tiga segi emas atau dengan izin "golden triangle" yang amat diminati oleh pemaju-pemaju. Sekarang apabila ekonomi telah pulih dan terdapat dengan izin "building boom", tanah di Kawasan tiga segi emas biasa dijual dengan harga yang amat tinggi.

21. Kerajaan telah mensyaratkan kepada Sri Kuda bahawa lebih dari 50 peratus tanah kelab hendaklah dijadikan public park. Ini bermakna bahawa harga belian satu kaki persegi tanah boleh meningkat 100 peratus. Walau bagaimanapun, PETRONAS yang memerlukan ruang pejabat yang besar hanya bersetuju secara prinsip untuk mengambil 51 peratus dari saham Seri Kuda. Sebuah firma penilai bebas telah ditugas oleh PETRONAS untuk menilai tanah tersebut. Jika harga yang ditawarkan kepada PETRONAS menguntungkannya, baharulah PETRONAS akan membeli saham Sri Kuda.

22. Jika harganya akan merugikan PETRONAS, maka PETRONAS tidak akan membelinya. Jika PETRONAS tidak mengambil saham ini, berpuluh syarikat lain akan berebut-rebut membelinya.

Mungkin Ahli Yang Berhormat tahu siapa yang berminat?

Tuan Yang di-pertua,

23. Semua ini adalah urusan perniagaan. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memutarbelitkan segala-galanya. Apabila seseorang itu mempunyai fikiran yang kotor dia memikir orang lain mempunyai fikiran yang sama kotor. Saya percaya jika Ahli Yang Berhormat dilantik menjadi Pengerusi PETRONAS ia akan menipu kerajaan sepanjang masa.

24. Dalam parti DAP tidak ada siapa yang boleh mencabarnya. Sejak DAP ditubuh dan dia menjadi Setiausaha Agung, tidak ada orang lain yang boleh pegang jawatan itu. Sesiapa yang mempunyai pendapat yang berbeza sedikit darinya akan disingkir.

25. Jika dia menjadi Perdana Menteri sudah pasti sekejap-sekejap sahaja menteri akan dibuang kerana enggan menerima tanpa soal saranan beliau. Orang seperti ini tidak dapat menerima bahawa orang lain apabila memegang sesuatu jawatan tidak akan menyalahgunakan kuasanya. Oleh itu, apabila dia nampak peluang penyelewengan boleh dilakukan oleh Pengerusi Petronas, dia tidak percaya bahawa orang lain tidak akan mengambil peluang itu, kerana jika dia menjadi Pengerusi PETRONAS dia sudah tentu akan mengambil peluang itu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua 'A crook assumes that everyone else is a crook like him'.

26. Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa Tan Sri Osman Aroff memang menjadi rakan kongsi perniagaan dalam Sri Kinabalu semasa dia bukan Menteri Besar. Sebenarnya beliau tidak aktif dalam syarikat itu. Seperti biasa ia telah meminjamkan namanya dengan harapan mendapat sedikit-sebanyak pendapatan, seperti juga ramai peniaga bukan Melayu menjadikan orang Melayu sebagai pengarah syarikat kerana ingin memberi gambaran bahawa mereka patuhi Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua,

27. Tugas pengarah bukan untuk memeriksa tiap-tiap hari sama ada simen dan besi cukup atau tidak cukup semasa sebuah bangunan dibina. Tugas itu diberikan kepada orang yang menjadi penyelia daripada kedua pihak -- pemborong dan tuan punya.

28. Jika kerana dump peluru tidak dibina dengan baik, maka Tan Sri Osman sebagai Pengarah Syarikat Pemborong harus letak jawatan Menteri Besar, maka Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagai Pengarah Pilihanraya DAP Pulau Pinang yang mendakwa akan mencapai kemenangan DAP di Pulau Pinang pada pilihanraya yang lepas, patutlah meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP dan bersara daripada DAP kerana DAP kalah. Tetapi selain daripada sandiwara letak jawatan, Ahli Yang Berhormat telah terus dengan jawatan Setiausaha Agung dan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Pulau Pinang. Apakah Ahli Yang Berhormat tidak berasa, dengan izin, morally responsible, terhadap kekalahan DAP setelah mendakwa

yang bukan-bukan dan memperalatkan orang tua yang tidak berdosa dan menggunakan nama dan gambarnya? Ahli Yang Berhormat Tanjong tidak sama sekali mempunyai morality dan tidak berhak bercakap berkenaan tanggungjawab moral sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua,

29. Dalam dunia perniagaan saham, berjuta-juta ringgit saham bertukar tangan setiap hari. Kadang-kadang mereka meminjam sepenuhnya wang daripada bank untuk pembelian dan kadang-kadang diadakan share swap.

30. Saya tidak arif dalam perkara ini, tetapi bukanlah suatu perkara yang luar biasa bagi seseorang membeli jumlah saham yang lebih daripada apa yang difikir kemampuannya. Saham-saham ini boleh dicagar kepada bank jika pihak bank yakin ia akan dapat menebus saham-saham ini dalam keadaan tertentu.

31. Ramai yang 'main' pasaran saham, membeli dan menjual saham dan mendapat keuntungan daripada niaga ini -- walaupun mereka tidak mempunyai modal yang cukup pada mulanya.

32. UMNO tidak terlibat dengan niaga saham. Tetapi ahli UMNO bebas seperti orang lain juga untuk membuat perniagaan. Jika orang yang kenal dengan bekas Menteri Kewangan membeli saham, ini tidak bermakna UMNO membeli saham. Saya yakin bahawa ramai juga kenalan Ahli Yang Berhormat Tanjong dan sahabat barunya membeli dan menjual saham, tetapi saya dan rakan saya tidak dapat melupakan tuduhan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa seorang yang bernama Dato Halim adalah dengan izin front man bagi UMNO.

33. Saya tidur nyenyak setiap malam kerana tidak kluatir duit UMNO akan hilang, kerana duit UMNO tidak terlibat. Saya mengaku bahawa jika duit UMNO sebanyak \$1,000 juta ringgit terlibat, saya tidak akan tidur nyenyak. UMNO telah banyak kali ditipu dan banyak duit UMNO yang hilang kerana orang yang diamanahkan menjaga duit UMNO tiba-tiba kata tidak ada duit sama sekali. Justeru itu, saya tidak mudah percaya sehingga membenarkan orang lain menjadi front dan memiliki \$1,000 juta ringgit duit UMNO jika UMNO ada duit sebanyak itu.

34. Hakikatnya ialah oleh kerana tindakan orang yang berpendapat bahawa jika ia tidak boleh dapat sesuatu, maka UMNO perlu dihancurkan, maka hari ini harta UMNO masih ada ditangan Pemegang Amanah dan tidak boleh diuruskan dengan memberi faedah kepada UMNO. Saya dahulu percaya orang UMNO sampai bila-bila akan sayang UMNO dan tidak akan merosakkan UMNO. Tetapi sekarang saya sedar ada orang UMNO yang hanya hendak memelihara UMNO jika UMNO dimiliki olehnya. Sebab itu saya tidak mudah percaya orang.

Tuan Yang di-Pertua,

35. Malaysia sekarang mempunyai penduduk seramai 18.3 juta. Dalam jangkamasa 60 tahun bilangan penduduk akan meningkat kepada 70 juta atau 400% lebih tinggi daripada sekarang. 70

juta orang ini memerlukan kawasan tanah yang lebih luas, bukan sahaja untuk tempat tinggal tetapi untuk bandar-bandar baru, jalanraya, laluan paip gas, telefon, elektrik, jambatan, kawasan industry dan lain-lain lagi.

36. Sebaliknya hampir semua tanah di Semenanjung terutamanya sudah diberi hak milik. Pemilik-pemilik tanah ini biasanya tidak sanggup bekerjasama untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat yang lebih ramai. Di Malaysia rumah kos murah telah ditetapkan pada harga \$25,000 sejak 15 tahun yang lepas. Dengan kenaikan harga tanah yang tinggi pada masa itu maka bukan sahaja pembangunan infrastruktur tidak dapat diadakan tetapi juga golongan miskin tidak akan dapat membeli rumah yang harga rendah ataupun sederhana. Pembangunan negara akan terbantut jika kuasa Kerajaan untuk mengambil-alih tanah bagi pertumbuhan ekonomi negara tidak ada.

37. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam ucapannya telah memberi notis bahawa ia akan menghasut 10,000 penduduk Gelang Patah supaya menyekat pembinaan jambatan antara Singapura dengan Malaysia. Projek ini adalah projek ekonomi yang penting. Tambak Johor sudah tidak mampu lagi menampung keperluan lalu-lintas. Ia menyebabkan kesesakan di Johor Baharu. Hanya dengan mengadakan jambatan baru berjauhan dari Johor Bharu sahaja baharu masalah laluan antara Singapura dan Malaysia dapat diatasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia dapat diteruskan.

38. Hasutan Ahli Yang Berhormat supaya diganggu projek ini merupakan dengan izin economic sabotage. Saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat mewakili Malaysia atau tidak. Sebenarnya pertumbuhan ekonomi Malaysia boleh menjadi lebih pesat jika tidak kerana tindak-tanduk Ahli Yang Berhormat mensabotaj dan menyebabkan ketegangan dalam negara untuk menakutkan pelabur daripada melabur di negara ini. Sebab itulah pada tahun 1987, apabila Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya begitu giat mengancam kestabilan negara, pihak berkuasa telah menahan beliau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. Saya masih ingat bagaimana cepatnya ketegangan dapat dikendurkan apabila sahaja Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya bersama-sama dengan beberapa orang yang tidak bertanggungjawab daripada parti Kerajaan telah ditahan. Selagi ada anasir-anasir seperti ini, selama itulah negara memerlukan ISA.

Tuan Yang di-Pertua,

39. Projek seperti Jambatan Tinggi Singapura-Malaysia yang dicadangkan memerlukan kajian yang mahal sebelum sesiapa berani menerima tanggungjawab untuk melaksanakannya. Kerajaan tidak mampu membina jambatan ini kerana tidak mempunyai cukup wang dan perlu melaksanakan lain-lain projek. Sebaliknya, projek jambatan ini perlu disegerakan bagi menyelesaikan kesesakan lalulintas di Tambak Johor.

40. Dalam keadaan ini pihak swasta mestilah mengambil-alih tanggungjawab membina jambatan ini. Tetapi tidak ada

syarikat yang sanggup membuat dengan izin feasibility study yang menelan belanja lebih daripada 10 juta ringgit melainkan mereka diberi jaminan akan mendapat projek ini jika ianya feasible.

41. Amalan ini bukan dibuat di Malaysia sahaja. Di mana-mana juga di dunia ini, hak ini diberi kepada yang sanggup menerima risiko kajian, kerana jika didapati tidak feasible, mereka akan menanggung kerugian perbelanjaan kajian.

42. Orang ramai tahu akan perlunya jambatan ini dan siapa sahaja boleh membuat tawaran untuk mengkaji secara bersyarat. Tidak ada perkara luar biasa yang berlaku dalam pemberian kajian feasibility dan hak dengan izin first refusal kepada UEM. Tidak ada syarikat lain yang mengemukakan proposal yang lebih baik daripada UEM. Tidak ada sebab Kerajaan mesti dengan izin black list UEM semata-mata kerana tuduhan oleh Yang Berhormat bahawa syarikat ini adalah milik UMNO. Dengan UMNO mempunyai 1,500,000 ahli tidak hairanlah jika ada orang UMNO dalam Syarikat UEM. Tidak menjadi jenayah jika orang UMNO memiliki syarikat atau mendapat kontrak Kerajaan asalkan tawaran mereka munasabah dan memenuhi keperluan dan dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

43. Saya ingin memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong membuat keputusan dalam soal Jambatan Tinggi Singapura-Malaysia. Yang pertamanya beliau putuskan sama ada Jambatan ini hendak dilaksanakan atau tidak. Jika tidak Ahli Yang Berhormat boleh umumkan DAP menentang sebarang Jambatan baru dibuat antara Singapura dan Malaysia, dan menerima tanggungjawab menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Tambak Johor.

44. Jika pendirian DAP ialah kepentingan ekonomi negara memerlukan sebuah jambatan baru dibina antara Singapura dan Malaysia, tentukan di mana jambatan ini harus dibina dan DAP bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan parti dan kerajaan PAP di Singapura dan sanggup membayar segala tambahan perbelanjaan yang diperlukan. DAP juga harus membayar gantirugi dan penempatan semula penduduk yang perlu dipindahkan daripada kawasan baru pilihan DAP.

Tuan Yang di-Pertua,

45. Saya amat kagum dengan kesanggupan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempertahankan Kelantan sejak sahabat karibnya PAS memerintah. Sementara Ahli Yang Berhormat Jelutong berkata PAS akan hanya dapat mendirikan Pemerintahan Islam dengan izin "over my dead body", tetapi bossnya masih sanggup melamar PAS.

46. Saya yakin ahli-ahli PAS bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Tanjong bahawa penambahan kakitangan Kerajaan dari orang bukan bumiputera tidak perlu diimbangi dengan pengambilan lebih ramai bumiputera oleh syarikat swasta. Inilah keadilan DAP "Hak engkau hak aku, hak aku hak aku". Perkahwinan ganjil dan tersembunyi PAS-DAP adalah satu

dengan izin marriage of convenience yang berasas kepada kepercayaan bahawa "musuh kepada musuh kami adalah kawan kami" atau dengan izin "The enemy of my enemy is my friend". Sama-samalah kita lihat kebahagiaan kongsi hidup ganjil ini.

Tuan Yang di-Pertua,

47. Antara kejayaan DAP dan pemimpinnya ialah memecah-belahkan bumiputera khususnya orang Melayu sehingga mereka ini sanggup mengecam dasar dan tindakan untuk mengimbangkan mereka dengan kaum-kaum lain.

48. Kita semua tahu terdapat ramai jutawan daripada kaum Cina di dalam negara kita. Oleh kerana ada beberapa kerat orang Melayu dan bumiputera menjadi kaya disebabkan DEB, DAP menuduh bahawa DEB hanya menguntungkan segelintir orang Melayu sahaja. Dengan ini ada orang Melayu yang menyertai DAP dan di luar DAP yang mengecam pelaksanaan DEB.

49. Saya ingin tanya apakah bumiputera dan orang Melayu boleh puas hati jika DEB berjaya hanya dengan membasmi kemiskinan di kalangan mereka, tetapi semua orang kaya dalam negara ini terdiri daripada orang bukan Melayu? Apakah makna imbalan jika ia berlaku di peringkat bawahan sahaja?

50. Namun kerana hasutan DAP, sudah ada bumiputera yang mengecam DEB kononnya menguntungkan hanya segelintir sahaja daripada bumiputera yang menjadi jutawan. Mereka yang mengecam ini lupa bahawa mereka sendiri telah dapat pelajaran, biasiswa, jawatan tinggi dan kelayakan profesional kerana DEB. Bahawa kemiskinan bumiputera telah dapat dikurangkan dengan banyaknya, iaitu satu daripada matlamat DEB, tidak dihiraukan. Perasaan iri hati yang dipupuk oleh DAP berjaya mempengaruhi mereka daripada kalangan bumiputera ini sehingga sanggup mengecam dasar yang begitu banyak menolong mereka.

51. Dan sekarang ini DAP pula berjaya mempengaruhi PAS supaya mendalamkan lagi perpecahan di kalangan Melayu. Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang berjaya memeralatkan PAS sehingga PAS tidak meletakkan calon menentang DAP tetapi sebaliknya bekerja sama dengan DAP untuk menjayakan DAP. Syabas saya ucapkan kepada PAS kerana lebih utamakan kebenciannya kepada UMNO sehingga sanggup berganding bahu dengan orang-orang yang begitu tidak sebulu dengan mereka. Musuh PAS ialah UMNO dan sesiapa yang memusuhi UMNO adalah sahabat PAS.

Tuan Yang di-Pertua,

52. Saya tidak berhasrat menjawab satu persatu tuduhan Ahli Yang Berhormat Tanjong. Yang jelas ialah Ahli Yang Berhormat Tanjong amat cekap dalam bidang putar-belit dan apa sahaja boleh dijadikan bahan oleh Ahli Yang Berhormat untuk memburukkan negara sendiri.

53. Walau apapun yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat hakikatnya ialah Malaysia adalah sebuah negara yang membangun pesat dan dapat menarik pelaburan yang besar dari

dalam dan luar negeri. Negara yang mempunyai kerajaan yang corrupt dan tidak cekap tidak mungkin berjaya, tidak mungkin meyakinkan pelabur, tidak mungkin mencapai pertumbuhan yang tinggi. Jika benar Kerajaan ini sebagai yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat, mustahil Malaysia mendahului hampir semua negara membangun yang lain daripada segi kemajuan dan pencapaiannya.

54. Kita tidak masuk bakul dan angkat diri kita sendiri. Laporan World Bank berkali-kali menyebut tentang kejayaan Malaysia yang harus dicontohi oleh negara-negara membangun yang lain.

55. Tetapi kalau kita dengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong seolah-olah Malaysia adalah negara yang terburuk sekali, dan pemerintahannya tidak cekap dan semua anggota Kerajaan terlibat dengan rasuah. Jikalau pelabur mendengar Ahli Yang Berhormat, mereka tidak akan melabur di Malaysia. Mungkin inilah tujuan Ahli Yang Berhormat kerana negara Malaysia yang makmur, aman dan maju tidak mungkin memberi kemenangan kepada DAP yang bergantung kepada hasad-dengki orang untuk mendapatkan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua,

56. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengucapkan tahniah kepada saya kerana menyampaikan bil-bil lebih awal untuk diteliti oleh Ahli Dewan sebelum perbahasan dibuat. Saya tidak memerlukan tahniah Ahli Yang Berhormat apabila saya menjalankan tugas mengikut budi bicara saya. Ahli Yang Berhormat tidak perlu mengambil kredit, jika Kerajaan membuat sesuatu. Kerajaan ini lebih cekap dan lebih sedar akan tanggungjawabnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

57. Dasar dan Rancangan Pembangunan kita dibuat atas kesedaran ini. Walaupun DAP berusaha menggagalkan Rancangan Malaysia Ke-6 dan Dasar Pembangunan Nasional, RM6 dan DPN akan berjaya mencapai matlamatnya, insya-Allah.